

Bukit Bintang pusat pelancongan, bukan hanya tumpuan Cina, kata Ahli Parliman Pakatan

Malaysian Insider

Aug 25 , 2013

OLEH LEE SHI-IAN DAN MUZLIZA MUSTAFA

Ahli parlimen Pakatan Rakyat (PR) mengingatkan Utusan Malaysia Bukit Bintang merupakan pusat tumpuan pelancong dan usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan ukan satu isu besar jika ingin membangunkan hab makanan Cina di Jalan Alor.

Ahli Parlimen Bukit Bintang Fong Kui berkata DBKL menghidupkan lagi kawasan Jalan Alor yang memang terkenal dengan syurga makanan kerana kawasan berkenaan terdapat banyak hotel didiami pelancong.

"Banyak pilihan hotel di sana dari hotel bajet ke lima bintang. Ini adalah usaha DBKL membantu kerajaan menggiatkan aktiviti pelancongan negara," katanya kepada The Malaysian Insider sambil menjelaskan kawasan berkenaan dipenuhi kira-kira 133 buah hotel.

"Jangan seperti kebudak-budakan mempolitikkan hab makanan di Bukit Bintang. Utusan gagal melihat kawasan itu telah menjadi syurga makanan antarabangsa."

"Projek ini bukan sahaja membantu kaum Cina di kawasan itu bahkan pelancong yang singgah di sana. Makanan Cina mempunyai peminatnya serata dunia dan bukan sahaja di Malaysia," katanya.

Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar berkata pembangunan DBKL selaras dengan pembangunan bahagian lain di Kuala Lumpur.

"Ia menggambarkan masyarakat berbilang kaum di bandar dan itulah keistimewaannya," katanya semasa majlis sambutan Aidilfitri di Bangsar hari ini.

Akhbar milik Umno, Utusan Malaysia melalui kolumnisnya Awang Selamat hari ini meneruskan serangan terhadap masyarakat Cina apabila kali ini mempertikai hak kaum Cina untuk mendapat keistimewaan dan bantuan pihak kerajaan.

Utusan melalui akhbar edisi Ahad, Minggu Malaysia mengecam kaum Cina dengan mempertikai keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membina hab makanan Cina betaraf antarabangsa di Jalan Alor, Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Awang menggesa DBKL mewujudkan hab makanan semua kaum kerana melihat Kuala Lumpur bukan milik kaum tertentu sahaja.

Katanya, pihak berkuasa perlu memulakan hab makanan Melayu terlebih dahulu jika mahu mewujudkan konsep berkenaan di ibu negara.

Kolumnis itu menjelaskan Malaysia adalah negara pelbagai kaum yang Melayu dan bumiputera masih menjadi teras maka sama ada suka atau tidak, itulah hakikatnya.

Beliau menjelaskan projek berkenaan wajar menerima banyak bantahan dari badan bukan kerajaan (NGO) yang mahu ianya dibatalkan.

Katanya, banyak pihak yang tidak berpuas hati dengan penjelasan Datuk Bandar, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berhubung pembinaan hab makanan Cina itu.

Awang juga menegaskan alasan projek itu akan menaik taraf dan memajukan Jalan Alor sebagai tarikan pelancong, kurang meyakinkan. - 25 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bukit-bintang-pusat-pelancongan-bukan-hanya-tumpuan-cina-kata-ahli-parliman>